



NEGERI PAHANG

TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Phg. P.U. 23/1998

UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM (MAJLIS DAERAH PEKAN) 1998

Tarikh penyiaran:

13 Ogos 1998

Tarikh mula berkuatkuasa:

13 Ogos 1998

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

Undang-Undang Kecil 1. Nama dan pemakaian

Undang-Undang Kecil 2. Tafsiran

Undang-Undang Kecil 3. Kebersihan dan kehendak-kehendak lain

Undang-Undang Kecil 4. Syarat-syarat penggunaan tandas awam

Undang-Undang Kecil 5. Kuasa untuk mengarahkan orang keluar

Undang-Undang Kecil 6. Kewajipan penerima pajakan

Undang-Undang Kecil 7. Tandas berasingan untuk berlainan jantina

Undang-Undang Kecil 8. Caj

Undang-Undang Kecil 9. Penalti

Undang-Undang Kecil 10. Kuasa menangkap

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Pekan membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

1. Nama dan pemakaian.

(1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Daerah Pekan) 1998** dan hendaklah terpakai hanya dalam kawasan Majlis Daerah Pekan.

2. Tafsiran.

Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Pekan;

“Tandas awam” ertinya apa-apa bangunan, bilik atau ruanyang disekat-sekat yang mana orang-orang awam boleh pergi untuk membuang air besar, air kecil atau untuk mencuci dirinya;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Pekan dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

3. Kebersihan dan kehendak-kehendak lain.

Mana-mana orang yang berada dalam mana-mana tandas awam-

(a) Membuang sampah, meludah, membuang air kecil atau besar di atas lantai melainkan di dalam bekas sepatutnya yang dibekalkan bagi maksud masing-masing;

(b) membiarkan paip terbuka selepas menggunakan sama ada bekalan air sedang mengalir atau sebaliknya;

(c) merosakkan atau memindahkan apa-apa barang dalam tandas;

(d) mengotorkan, melukis, menyonteng atau mengecat apa-apa di atas dinding atau siling;

(e) berperrangan tidak senonoh atau tidak sopan; dan

(f) meninggalkan mangkuk tandas dengan tidak memancurkan air selepas menggunakannya,

adalah melakukan suatu kesalahan.

4. Syarat-syarat penggunaan tandas awam.

(1) Tiada seorang pun boleh membasuh apa-apa pakaian atau meninggalkan pakaian untuk dikeringkan da dalam tandas tandas awam.

(2) Tiada seorang pun boleh menyalakan api atau memasak makanan dalam tandas awam dan tiada seorang pun boleh makan atau tidor di dalamnya

(3) Tiada seorang pun boleh mencuci makanan, perkakas, pinggan mangkuk atau apa-apa bekas di dalam tandas awam

(4) Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana tandas awam sebagai tempoh untuk menyimpan barang-barang.

(5) Tiada suatu pun transaksi perniagaan boleh diuruskan di dalam mana-mana tandas awam.

(6) Tiada seorang pun boleh mandi di dalam mana-mana tandas awam melainkan kemudahan mandi disediakan didalamnya.

5. Kuasa untuk mengarahkan orang keluar.

Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang melanggar dengan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh diarahkan keluar dari tandas awam oleh Majlis atau mana-mana orang yang diberikan kuasa oleh Majlis.

6. Kewajipan penerima pajakan.

(1) Sekiranya mana-mana tandas awam dipajak, penerima pajakan atau orang yang menjaga tandas awam hendaklah membersihkan dan menerangi tandas itu sehingga memuaskan hati Yang Dipertua.

7. Tandas berasingan untuk berlainan jantina.

(1) Maka hendaklah diperuntukan tandas awam berasingan untuk jantina yang berlainan yang hendaklah ditandakan dengan tanda yang sesuai.

(2) Tiada seorang pun boleh memasuki atau menggunakan tandas bagi jantina yang berlainan.

8. Caj.

(1) jika difikirkannya perlu, Majlis boleh mengenakan caj bagi penggunaan mana-mana tandas awam, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Mana-mana orang yang gagal membayar caj yang ditetapkan adalah melakukan kesalahan.

9. Penalti.

Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

10. Kuasa menangkap.

(1) Mana-mana pegawai Majlis atau mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melakukan di hadapannya atau yang ia percayai dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini-

(a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) jika ada sebab bagi meragukan ketepatan nama dan alamat itu

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu.

Dibuat 31 Mac 1990.

*Yang Dipertua
Majlis Daerah Pekan*

Disahkan 18 Disember 1991.
[SUK. Phg. (KT) 5509 SJ. 2.]

*Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang*